

Dana tidak mencukupi

» Punca banjir kilat gagal diatasi

Oleh Khairul Azran Hussin
khaiazr@bharian.com.my

► Shah Alam

Dewan Undangan Negeri (DUN) semalam diberitahu, banjir kilat di Klang, gagal diatasi sepenuhnya kerana kerajaan negeri tidak menyalurkan peruntukan secukupnya untuk mengatasi masalah berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan negeri, Ronnie Liu, berkata Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) hanya meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta berbanding keperluan RM1.2 bilion bagi mengatasi banjir di kawasan itu.

“Peruntukan RM5 juta ini membabitkan sembilan projek mengatasi banjir kilat. Sebanyak

tujuh projek dijangka disiapkan tahun ini manakala dua projek lagi, siap Mac depan,” katanya.

Punca banjir kilat

Berdasarkan kajian, kejadian banjir kilat berpunca daripada hujan lebat, air pasang surut, air hujan yang bertembung dengan air laut pasang, muka bumi Klang yang landai dan terletak di bawah paras air laut serta faktor manusia,” katanya menjawab soalan M Manoharan (DAP-Kota Alam Shah).

Manoharan bertanya bila kerajaan negeri akan mengatasi masalah banjir kilat yang kerap berlaku di seluruh kawasan Klang. Manoharan juga ingin tahu punca banjir kilat yang terlalu kerap di daerah itu dan langkah yang diambil kerajaan Selangor untuk mengatasi masalah itu.

Ronnie berkata, peruntukan



Ⓢ RM5 JUTA
diperuntukkan untuk
9 projek tebatan banjir

Banjir kilat di kawasan perumahan di Jalan Kebun, Klang.

[FOTO INTAN NUR ELLIANA ZAKARIA / BH]

RM1.5 bilion itu akan digunakan untuk menjalankan kajian tebatan banjir di Klang bagi mengatasi masalah berkenaan secara menyeluruh.

Menjawab soalan tambahan Manoharan sama ada kekoso-

ngan jawatan Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Klang (MPK) sebagai punca kerja untuk mengatasi masalah banjir kilat sering tertangguh, Ronnie berkata, isu terbabit tidak timbul kerana pemangku YDP ketika ini

menjalankan tugas seperti biasa dengan menerima gaji seperti seorang YDP.

“Ingin saya tegaskan, isu kekosongan jawatan YDP tidak timbul kerana masalah sebenar ialah tidak cukup dana,” katanya.